

BAHAGIAN VISA, PAS & PERMIT

Bahagian Visa, Pas dan Permit merupakan satu bahagian di Ibu Pejabat, Putrajaya yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras dasar-dasar berkaitan visa, pas dan permit di seluruh Malaysia dan di pejabat perwakilan. Bahagian ini yang juga dikenali dengan nama 'Bahagian G' terdiri daripada lapan (8) unit utama bagi memastikan fungsi bahagian berjalan dengan lancar. Unit-unit ini adalah Unit Pas Lawatan Sosial, Unit Pas Lawatan Ikhtisas, Unit Pas Pelajar, Unit Malaysia My Second Home, Unit Permit Masuk, Unit Pas Residen, Unit APEC dan Unit Naziran.

FUNGSI UNIT

1.1 Unit Pas Lawatan Sosial

Menerima dan memproses permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek dan permohonan baru/lanjutan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang kepada pelawat-pelawat asing yang masuk ke Malaysia mengikut tujuan-tujuan yang dibenarkan.

1.2 Unit Pas Lawatan Ikhtisas

Menerima dan memproses permohonan baru dan lanjutan Pas Lawatan (Ikhtisas) untuk warganegara asing yang ingin bertugas menjalankan kerja-kerja khusus seperti guru/pelajar agama Islam, mubaligh lain-lain agama dan penggiat seni (artis) untuk jangka masa yang singkat di Malaysia.

1.3 Unit Pas Pelajar

Menerima dan memproses permohonan baru dan lanjutan pas pelajar untuk pelajar warganegara asing yang ingin belajar atau melanjutkan pengajian di Malaysia.

1.4 Unit Malaysia My Second Home

Menerima dan memproses permohonan Malaysia My Second Home (MM2H) yang mana program ini membenarkan warganegara asing untuk tinggal dan menetap di negara ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

1.5 Unit Permit Masuk

Menguruskan permohonan Permit Masuk untuk warganegara asing yang layak untuk masuk dan menetap di negara ini sebagai Penduduk Tetap.

1.6 Unit pas Residen

Menguruskan permohonan Pas Residen untuk orang-orang yang layak memohon mengikut Kategori 3 (Pemohon yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan warganegara Malaysia) , Kategori 4 (Pemohon yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan pemastautin tetap Malaysia) dan Kategori 5 (bekas warganegara Malaysia) .

1.7 Unit APEC

Menguruskan Kad Perjalanan Perniagaan APEC yang merupakan satu inisiatif Pertubuhan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dalam usaha untuk membantu ahli-ahli perniagaan yang sering berurusan dengan negara-negara APEC.

1.8 Unit Naziran

Membuat lawatan naziran berhubung kesangsian dan keraguan terhadap permohonan atau pemberian kemudahan Visa, Pas dan Permit.